

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH KANAK-KANAK, 2000

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, gelaran panjang dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PELINDUNG, PENDAFTAR DAN DAFTAR

3. Lantikan pelindung.
4. Lantikan Pendaftar.
5. Daftar.
6. Isi kandungan Daftar.
7. Hak untuk melihat Daftar.
8. Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan Daftar.

BAHAGIAN III

KUMPULAN BERTINDAK KE ATAS PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

9. Penubuhan Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak.
10. Keahlian Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak.
11. Mesyuarat dan perjalanan urusan Kumpulan Bertindak Penganiayaan Kanak-Kanak.
12. Penyelarasan.

BAHAGIAN IV

PENJAGAAN SEMENTARA, PEMERIKSAAN DAN RAWATAN PERUBATAN

13. Pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam penjagaan.
14. Kanak-kanak yang memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan.
15. Pemeriksaan dan rawatan perubatan.
16. Kebenaran bagi rawatan perubatan.
17. Tiada liabiliti ditanggung kerana memberi kebenaran.
18. Kawalan ke atas kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital.
19. Kewajipan pengamal perubatan dan kuasa pegawai perubatan.
20. Langkah-langkah yang akan diambil berkaitan dengan kanak-kanak setelah menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan.

BAHAGIAN V

PROSEDUR MAHKAMAH

21. Pengemukakan kanak-kanak di hadapan Mahkamah.
22. Kuasa-kuasa Mahkamah.
23. Perintah sumbangan.
24. Pembatalan atau perubahan.
25. Kawalan ke atas kanak-kanak yang diletakkan ke dalam jagaan orang yang layak atau ditempatkan di tempat keselamatan.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN-KESALAHAN BERHUBUNG DENGAN KESIHATAN DAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK

26. Penganiayaan, pengabaian, pendedahan atau pembiaran kanak-kanak.
27. Kanak-kanak hendaklah tidak digunakan untuk mengemis atau sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang.
28. Kesalahan meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan yang munasabah.

BAHAGIAN VII

**PEMBERITAHUAN MENGENAI PENGAMBILAN
KANAK-KANAK KE DALAM PEMELIHARAAN, JAGAAN ATAU KAWALAN**

29. Pengenaan dan tafsiran.
30. Pemberitahuan tentang pengambilan ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan.
31. Kewajipan berikutnya.
32. Kuasa pelindung untuk menghendaki supaya kanak-kanak dikemukakan di hadapannya.

BAHAGIAN VIII

PERDAGANGAN HARAM KANAK-KANAK

33. Pemindahan haram pemilikan, jagaan atau kawalan kanak-kanak.
34. Pembawaan masuk kanak-kanak dengan dakwaan palsu.
35. Kuasa untuk memeriksa kanak-kanak dan orang yang menjaganya.
36. Kuasa pelindung untuk menghendaki jaminan.
37. Pemeriksaan.

BAHAGIAN IX

RAMPAIAN

38. Kuasa untuk mengeledah bangunan.
39. Menghalang pelindung atau pegawai polis dalam melaksanakan tugas-tugasnya.
40. Memindahkan atau membantu kanak-kanak untuk melarikan diri dari jagaan.
41. Perlindungan identiti kanak-kanak.
42. Hukuman am.
43. Kuasa untuk menangkap tanpa waran.
44. Tempat keselamatan.

45. Kuasa Mahkamah untuk memutuskan dan mengisytiharkan umur kanak-kanak.
46. Perlindungan pemberi maklumat.
47. Perlindungan Setiausaha Tetap dan orang lain.
48. Perakuan Pendaftar adalah menjadi keterangan.
49. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Bil. S 64

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH KANAK-KANAK, 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, gelaran panjang dan permulaan kuatkuasa.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat Kanak-Kanak, 2000.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dalam perkara-perkara yang bersampingan dengannya atau berhubung dengannya.

(3) Perintah ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* oleh Menteri; dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berjalan kuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan bagi peruntukan yang sama.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Kumpulan Bertindak Ke Atas Penganiayaan Kanak-Kanak" bermakna suatu kumpulan yang ditubuhkan menurut bab 9 Perintah ini;

"kanak-kanak" bermakna seseorang yang berumur lapan belas tahun ke bawah;

"Mahkamah" bermakna Mahkamah undang-undang di Negara Brunei Darussalam;

"penjaga seseorang kanak-kanak" bermakna ibu atau bapa kanak-kanak itu, atau mana-mana orang yang dilantik secara sah dengan suratikatan atau wasiat atau dengan perintah Mahkamah yang layak untuk menjadi

penjaga kanak-kanak itu, atau seseorang yang telah mengangkat secara sah kanak-kanak itu, dan termasuk mana-mana orang yang mempunyai jagaan yang sah ke atas kanak-kanak itu;

"hospital" bermakna mana-mana hospital dan klinik kerajaan atau mana-mana hospital atau klinik swasta;

"pegawai perubatan" bermakna seseorang pengamal perubatan berdaftar yang berkhidmat dengan kerajaan dan termasuk seseorang pengamal perubatan berdaftar di mana-mana hospital atau klinik swasta;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara kanak-kanak;

"Setiausaha Tetap" bermakna Setiausaha Tetap Kementerian yang bertanggungjawab bagi perkara kanak-kanak;

"pegawai polis" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya dalam Akta Pasukan Polis Diraja Brunei (Penggali 50);

"tempat keselamatan" bermakna mana-mana tempat atau institusi yang diisytiharkan demikian di bawah bab 44, atau tempat atau rumah lain yang dianggap sesuai oleh pelindung, yang penghuninya bersedia secara sementara untuk menerima seseorang kanak-kanak;

"bangunan" termasuk mana-mana rumah kediaman, binaan, kedai, bilik, alat pengangkutan atau mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup;

"pelindung" bermakna ketua unit perkhidmatan hal ehwal masyarakat dan seseorang sebagaimana yang mungkin diisytiharkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai diberikan semua atau sebarang kewajipan yang dikenakan kepada seseorang pelindung oleh Perintah ini dan mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah bab 3;

"Daftar" bermakna Daftar yang disimpan dan diselenggarakan di bawah bab 5;

"pengamal perubatan berdaftar" bermakna seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggali 112);

"Pendaftar" bermakna Pendaftar yang dilantik di bawah bab 4;

"sekolah" bermakna mana-mana institusi pendidikan kerajaan dan bukan kerajaan;

"pegawai polis kanan" bermakna seseorang pegawai polis apa jua pangkatnya daripada dan termasuk Pesuruhjaya ke bawah sehingga dan termasuk seseorang penolong penguasa percubaan;

"pegawai perkhidmatan hal ehwal masyarakat" bermakna mana-mana pegawai masyarakat dalam unit perkhidmatan hal ehwal masyarakat;

"penyelia" bermakna pegawai yang menjaga rumah kebajikan;

"ketua unit" bermakna ketua unit perkhidmatan hal ehwal masyarakat;

"rumah kebajikan" bermakna mana-mana rumah kebajikan yang diwartakan oleh kerajaan.

(2) Bagi maksud Perintah ini, seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan jika —

- (a) kanak-kanak itu telah atau terdapat bahaya yang besar bahawa kanak-kanak itu akan dcederakan secara fizikal atau perasaannya terluka atau dianiayai secara seksual oleh penjaganya;
- (b) kanak-kanak itu telah atau terdapat bahaya yang besar bahawa kanak-kanak itu akan dcederakan secara fizikal atau perasaannya terluka atau dianiayai secara seksual oleh penjaganya, dengan mengetahui kecederaan atau penganiayaan atau bahaya seperti itu tidak dilindungi atau tidak mungkin melindungi kanak-kanak itu dari kecederaan atau penganiayaan seperti itu;
- (c) penjaga kanak-kanak itu adalah tidak layak, atau telah mengabaikan atau tidak dapat, menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sewajarnya ke atas kanak-kanak itu dan kanak-kanak itu terjerumus ke dalam pergaulan yang tidak sihat, atau terdedah kepada bahaya moral, atau susah untuk dikawal;
- (d) penjaga kanak-kanak itu telah mengabaikan atau tidak mahu memberinya jagaan, makanan, pakaian dan tempat berlindung yang mencukupi;
- (e) kanak-kanak itu tidak mempunyai penjaga, atau telah ditinggalkan oleh penjaganya dan setelah menjalankan penyiasatan yang munasabah penjaga itu tidak dapat dijumpai, dan orang lain yang sesuai tidak mahu dan mampu memelihara kanak-kanak itu;
- (f) kanak-kanak itu perlu diperiksa, disiasat atau dirawat untuk tujuan memulihkan atau menjaga kesihatannya dan penjaganya mengabaikan atau enggan membenarkannya diperiksa, disiasat atau dirawat;

- (g) kanak-kanak itu berkelakuan secara yang membahayakan, atau mungkin membahayakan dirinya atau mana-mana orang lain dan penjaganya tidak mampu atau tidak mahu mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membetulkan keadaan atau langkah-langkah untuk membetulkannya yang diambil oleh penjaga itu gagal;
 - (h) terdapat perselisihan di antara kanak-kanak itu dan penjaganya, atau di antara penjaga-penjaganya, sehingga hubungan kekeluargaan berpecah belah dengan teruknya, yang menyebabkan perasaannya terluka;
 - (i) kanak-kanak itu adalah orang yang berkaitan dengannya sebarang kesalahan yang disebutkan dalam Kanun Hukuman Jenayah (Penggali 22) atau sebarang kesalahan yang jenisnya diperihalkan dalam Bahagian IV telah atau dipercayai telah dilakukan dan penjaganya adalah orang yang melakukan kesalahan itu atau dipercayai telah melakukan kesalahan itu atau tidak melindungi atau tidak mungkin melindunginya dari kesalahan itu;
 - (j) kanak-kanak itu adalah —
 - (i) ahli keluarga yang sama dengan kanak-kanak yang disebut dalam perenggan (i); atau
 - (ii) ahli keluarga yang sama orang yang telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang disebut dalam perenggan (i), dan ternyata berada dalam bahaya berlakunya kesalahan yang serupa ke atasnya atau berkaitan dengannya dan penjaganya adalah orang yang melakukan atau dipercayai telah melakukan kesalahan itu atau penjaganya tidak mampu atau tidak mahu melindunginya dari kesalahan itu;
 - (k) kanak-kanak itu dijumpai mengemis.
- (3) Bagi maksud-maksud Perintah ini —
- (a) seseorang kanak-kanak dcederakan secara fizikal jika terdapat kecederaan yang nyata dan dapat dilihat pada mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu akibat dari penggunaan kekerasan yang disengajakan atau alat terhadap badan kanak-kanak itu yang dibuktikan dengan, antara lainnya, luka melecet, lebam, melelas, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, terkehel, terseliuh, perdarahan, pecah likat, melepuh, melecuk, kehilangan atau perubahan kesedaran atau fungsi fisiologi atau kehilangan rambut atau mana-mana gigi;

- (b) seseorang kanak-kanak perasaannya terluka jika terdapat kelemahan yang nyata dan dapat dilihat pada fungsi mental atau perasaan kanak-kanak itu yang dibuktikan dengan, antara lainnya, gangguan mental atau tingkah laku, termasuk kegelisahan, kemuraman, perangai menyisihkan diri, suka berkelahi atau perkembangan terbantut;
- (c) seseorang kanak-kanak dianiayai secara seksual jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam sebarang kegiatan yang bersifat seksual untuk tujuan sebarang bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan pornografi, lucah atau cabul atau untuk tujuan pengeksplotasian seksual oleh mana-mana orang bagi pemuasan seksual orang itu atau orang lain.

(4) Dalam tafsiran dan penerapan Perintah ini, apabila sebarang persoalan timbul berhubung dengan kebajikan seseorang kanak-kanak dalam sebarang hal keadaan tertentu, kepentingan terbaik kanak-kanak itu hendaklah sentiasa menjadi pertimbangan utama.

BAHAGIAN II

PELINDUNG, PENDAFTAR DAN DAFTAR

Lantikan pelindung.

3. Menteri boleh melantik, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mana-mana pegawai dalam perkhidmatan awam untuk menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan seorang pelindung di bawah Perintah ini, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam kenyataan itu.

Lantikan Pendaftar.

4. Menteri boleh melantik seorang Penyelia untuk menjadi Pendaftar Kanak-Kanak Yang Memerlukan Perlindungan.

Daftar.

5. Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya disimpan dan diselenggarakan, dalam bentuk sebagaimana yang difikirkannya patut, suatu daftar yang dikenali sebagai Daftar Kanak-Kanak Yang Memerlukan Perlindungan.

Isi kandungan Daftar.

6. Daftar hendaklah mengandungi butir-butir setiap kes atau kes yang disyaki bagi seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan perkara-perkara lain berhubung dengan kes atau kes yang disyaki itu sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa ditentukan oleh Setiausaha Tetap.

Hak untuk melihat Daftar.

7. (1) Butir-butir yang dicatatkan dalam Daftar hendaklah diberikan kepada mana-mana Mahkamah, apabila diminta demikian oleh Mahkamah, dan kepada —

- (a) Setiausaha Tetap;
- (b) seseorang pelindung;
- (c) mana-mana pegawai polis; dan
- (d) mana-mana ahli kumpulan bertindak ke atas penganiayaan kanak-kanak,

apabila mana-mana orang ini menghendaki butir-butir tersebut untuk tujuan sebarang prosiding di bawah Perintah ini atau untuk tujuan mengambil tindakan berkaitan dengan, atau memberi bantuan kepada, seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

(2) Butir-butir yang terkandung dalam Daftar boleh diberikan kepada —

- (a) orang-orang yang terlibat dalam penyelidikan *bona fide* yang bagi mereka hak untuk melihat Daftar dibenarkan oleh Setiausaha Tetap bagi tujuan itu; atau
- (b) orang-orang atau golongan orang yang dibenarkan oleh Setiausaha Tetap untuk mempunyai hak untuk melihat Daftar atas alasan bahawa hak untuk melihat Daftar yang diberikan kepada mereka akan menggalakkan perlindungan seseorang kanak-kanak atau ramai kanak-kanak.

(3) Butir-butir yang diberikan di bawah bab ini hendaklah tidak termasuk sebarang maklumat yang mendedahkan atau mungkin membawa kepada pendedahan identiti mana-mana orang yang telah membuat suatu pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan.

Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan Daftar.

8. Mana-mana orang yang memberi kepada mana-mana orang lain sebarang butir yang terkandung dalam Daftar selain dari menurut bab 7 adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

KUMPULAN BERTINDAK KE ATAS PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

Penubuhan Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak.

9. Hendaklah ditubuhkan kumpulan-kumpulan orang dan setiap kumpulan hendaklah dikenali sebagai "Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak", bagi tujuan menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan perlindungan atau disyaki memerlukan perlindungan.

Keahlian Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak.

10. Setiap Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

- (a) seorang pengerusi, dia hendaklah Setiausaha Tetap;
- (b) seorang pegawai daripada Kementerian Pendidikan;
- (c) seorang pegawai daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- (d) seorang pegawai daripada Jabatan Peguam Negara;
- (e) seorang pegawai perubatan;
- (f) seorang pegawai polis kanan; dan
- (g) seorang pegawai daripada Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat.

Mesyuarat dan perjalanan urusan Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak.

11. Tiap-tiap Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak hendaklah mempunyai autoriti untuk menggunakan dari masa ke semasa orang lain sebagaimana yang mungkin dikehendakinya dengan munasabah untuk membolehkannya melaksanakan dengan memuaskan tugas-tugas dan kewajipan-kewajibannya atau mengikut keperluan keadaan, termasuk mana-mana orang yang layak untuk memberi nasihat mengenai faktor-faktor peribumi, etnik, kebudayaan atau ugama yang berkaitan.

Penyelarasan.

12. Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak hendaklah diselaraskan oleh Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat.

BAHAGIAN IV

PENJAGAAN SEMENTARA, PEMERIKSAAN DAN RAWATAN PERUBATAN

Pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam penjagaan.

13. (1) Mana-mana pelindung atau pegawai polis yang berpuas hati atas alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan boleh mengambil kanak-kanak itu ke dalam penjagaan sementara, melainkan jika pelindung atau pegawai polis itu berpuas hati bahawa pengambilan tindakan berhubung dengan kanak-kanak itu adalah tidak mustahak bagi kepentingan terbaik kanak-kanak itu atau tindakan tersebut hendak diambil oleh orang lain.

(2) Tertakluk kepada bab 14, setiap kanak-kanak yang diambil ke dalam penjagaan sementara di bawah cerai (1) hendaklah ditempatkan di suatu tempat keselamatan sehingga suatu masa dia dapat dibawa di hadapan Mahkamah.

(3) Jika seseorang kanak-kanak ditempatkan di suatu tempat keselamatan di bawah cerai (2), orang yang menjaga tempat keselamatan itu hendaklah mempunyai kawalan ke atas kanak-kanak itu sama seperti ibu atau bapa kanak-kanak itu dan hendaklah bertanggungjawab terhadap nafkah kanak-kanak itu, dan kanak-kanak itu hendaklah terus berada dalam jagaan orang itu walaupun kanak-kanak itu dituntut oleh penjaganya atau mana-mana orang lain.

(4) Mana-mana orang yang mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam penjagaan sementara di bawah bab ini hendaklah dengan segera setelah pengambilan tersebut —

- (a) menyebabkan supaya penjaga kanak-kanak itu diberi tahu tentang pengambilan tersebut; dan
- (b) jika orang itu adalah seorang pegawai polis, memberi tahu pelindung tentang pengambilan tersebut.

Kanak-kanak yang memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan.

14. (1) Jika seseorang pelindung atau pegawai polis yang mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam penjagaan sementara di bawah bab 13(1) berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, pelindung atau pegawai polis tersebut boleh, sebagai ganti membawa seseorang

kanak-kanak ke suatu tempat keselamatan, menyerahkan kanak-kanak itu ke hadapan seseorang pegawai perubatan.

(2) Jika pada masa diambil ke dalam penjagaan di bawah bab 13(1) seseorang kanak-kanak adalah pesakit di sebuah hospital, pelindung atau pegawai polis yang mengambil kanak-kanak itu ke dalam penjagaan boleh meninggalkan kanak-kanak itu di hospital tersebut.

(3) Jika seseorang pelindung atau pegawai polis tidak mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam penjagaan sementara di bawah bab 13(1) tetapi dia berpuas hati atas alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, dia boleh mengarahkan secara bertulis orang yang ternyata memelihara kanak-kanak itu pada masa itu untuk membawa dengan segera kanak-kanak itu kepada seseorang pegawai perubatan.

(4) Jika orang yang disebut dalam cerai (3) gagal mematuhi dalam masa empat puluh lapan jam suatu arahan yang dibuat di bawah cerai itu, seseorang pelindung atau pegawai polis boleh mengambil kanak-kanak itu ke dalam penjagaan sementara bagi tujuan menyerahkan kanak-kanak itu ke hadapan seseorang pegawai perubatan.

Pemeriksaan dan rawatan perubatan.

15. (1) Seseorang pegawai perubatan yang di hadapannya seseorang kanak-kanak diserahkan di bawah bab 14(1) atau (4) —

- (a) hendaklah menjalankan atau menyebabkan supaya dijalankan suatu pemeriksaan ke atas kanak-kanak itu;
- (b) boleh, dalam memeriksa kanak-kanak itu dan jika dibenarkan demikian oleh seseorang pelindung atau pegawai polis, melaksanakan atau menyebabkan supaya dilaksanakan prosedur-prosedur dan ujian-ujian sebagaimana yang mungkin perlu untuk mendiagnosis keadaan kanak-kanak itu; dan
- (c) boleh memberi atau menyebabkan supaya diberi rawatan sebagaimana yang dianggapnya perlu hasil dari diagnosis tersebut.

(2) Jika pegawai perubatan yang memeriksa seseorang kanak-kanak di bawah cerai (1) berpendapat bahawa kanak-kanak itu perlu dimasukkan ke hospital untuk tujuan penjagaan atau rawatan perubatan kanak-kanak itu, seseorang pelindung atau pegawai polis boleh membenarkan kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital.

Kebenaran bagi rawatan perubatan.

16. (1) Jika, pada pendapat seseorang pegawai perubatan, kanak-kanak yang disebut dalam bab 13 menghendaki rawatan kerana sesuatu penyakit, kecederaan atau keadaan yang ringan, seseorang pelindung atau pegawai polis boleh membenarkan rawatan tersebut.

(2) Jika, pada pendapat seseorang pegawai perubatan, kanak-kanak yang disebut dalam bab 13 mengalami sesuatu penyakit, kecederaan atau keadaan yang serius atau menghendaki pembedahan atau rawatan psikiatrik, seseorang pelindung atau pegawai polis hendaklah dengan serta-merta memberi tahu atau cuba memberi tahu dan berunding dengan penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang yang mempunyai autoriti untuk membenarkan rawatan seperti itu, dan boleh dengan persetujuan bertulis terhadap rawatan seperti itu, membenarkan rawatan perubatan, pembedahan atau psikiatrik sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh seseorang pegawai perubatan.

(3) Jika persetujuan yang disebut dalam cerai (2) tidak dapat diperolehi atau jika terdapat bahaya langsung terhadap kesihatan kanak-kanak itu, seseorang pelindung boleh membenarkan rawatan sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh seseorang pegawai perubatan.

Tiada liabiliti ditanggung kerana memberi kebenaran.

17. (1) Jika seseorang kanak-kanak diperiksa atau dirawat menurut bab-bab 15 dan 16, pelindung atau pegawai polis yang membenarkan pemeriksaan atau rawatan seperti itu, pegawai perubatan yang memeriksa atau merawat kanak-kanak itu, dan semua orang yang bertindak pada membantu pegawai perubatan tersebut, tidaklah boleh menanggung sebarang liabiliti di sisi undang-undang hanya kerana seseorang kanak-kanak diperiksa atau dirawat menurut bab-bab ini.

(2) Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam cerai (1) boleh melepaskan seseorang pegawai perubatan dari liabiliti berkaitan dengan pemeriksaan atau rawatan seseorang kanak-kanak jika liabiliti itu adalah liabiliti yang kepadanya dia mungkin tertakluk sekiranya pemeriksaan atau rawatan itu dijalankan atau dilaksanakan dengan persetujuan penjaga kanak-kanak itu atau orang yang mempunyai autoriti untuk memberi persetujuan terhadap pemeriksaan atau rawatan itu.

Kawalan ke atas kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital.

18. Jika seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam penjagaan sementara di bawah bab 13(1) atau bab 14(4) dimasukkan ke hospital, Setiausaha Tetap hendaklah mempunyai kawalan yang serupa ke atas, dan tanggungjawab bagi nafkah, kanak-kanak itu sepertimana orang yang menjaga suatu tempat keselamatan mungkin mempunyainya jika kanak-kanak itu telah ditempatkan di tempat keselamatan itu.

Kewajipan pengamal perubatan dan kuasa pegawai perubatan.

19. (1) Jika seseorang pengamal perubatan berdaftar termasuk seseorang pegawai perubatan, mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak yang diperiksa atau dirawat olehnya dcederakan secara fizikal atau perasaannya terluka kerana dianiayai, diabaikan, dibiarkan atau didedahkan, dia hendaklah dengan serta-merta memberi tahu seseorang pelindung atau pegawai polis.

(2) Mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang gagal mematuhi ceraiian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila sabit kesalahan, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000.

(3) Bagi maksud-maksud ceraiian (1), merujukkan seseorang kanak-kanak yang diperiksa oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar kepada seseorang pengamal perubatan kerajaan atas alasan yang dinyatakan dalam ceraiian (1), adalah mencukupi untuk memenuhi kewajipan untuk memberi tahu di bawah ceraiian (1).

(4) Jika pengamal perubatan berdaftar yang disebut dalam ceraiian (1) adalah seorang pegawai perubatan, dia boleh mengambil kanak-kanak yang disebut dalam ceraiian itu ke dalam penjagaan sementara sehingga suatu masa penjagaan sementara kanak-kanak itu diambil alih oleh seseorang pelindung atau pegawai polis.

(5) Sebarang penyabitian kesalahan di bawah ceraiian (2) hendaklah bagi maksud-maksud bab 20 dari Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggai 112), dianggap sebagai berkelakuan buruk dan diambil tindakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab itu.

Langkah-langkah yang akan diambil berkaitan dengan kanak-kanak setelah menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan.

20. (1) Seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam penjagaan di bawah bab 13(1) dan yang kemudiannya menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan hendaklah, setelah pemeriksaan atau rawatan tersebut selesai, atau jika kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital, setelah dia dibenarkan keluar dari hospital ditempatkan di suatu tempat keselamatan sehingga suatu masa dia boleh dibawa di hadapan Mahkamah.

(2) Seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam penjagaan di bawah bab 14(4) dan yang kemudiannya menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan hendaklah, setelah pemeriksaan atau rawatan tersebut selesai, atau jika kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital, setelah dia dibenarkan keluar dari hospital, dikembalikan kepada orang yang daripada pemeliharaannya kanak-kanak itu diambil.

BAHAGIAN V

PROSEDUR MAHKAMAH

Pengemukakan kanak-kanak di hadapan Mahkamah.

21. (1) Tertakluk kepada cerai-ceraian (2) dan (3), setiap kanak-kanak yang diambil ke dalam penjagaan di bawah bab 13(1) hendaklah dalam masa dua puluh empat jam dari diambil ke dalam penjagaan, dibawa di hadapan Mahkamah.

(2) Dengan tidak menghiraukan cerai-ceraian (1), seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam penjagaan di bawah bab 13(1) dan diperiksa atau dirawat dari segi perubatan di bawah Bahagian IV hendaklah dikemukakan di hadapan Mahkamah dalam masa dua puluh empat jam dari pemeriksaan atau rawatan tersebut selesai atau, jika kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital, setelah dia dibenarkan keluar dari hospital.

(3) Dengan tidak menghiraukan cerai-ceraian (1) dan (2), jika seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam penjagaan di bawah bab 13(1) tidak dapat dibawa di hadapan Mahkamah dalam masa yang ditetapkan dalam cerai-ceraian (1) dan (2), kanak-kanak itu hendaklah dibawa di hadapan Majistret yang boleh mengarahkan supaya dia ditempatkan di suatu tempat keselamatan atau, dengan tidak menghiraukan bab 13(2), diserahkan ke dalam penjagaan orang yang layak sehingga suatu masa dia dapat dibawa di hadapan Mahkamah.

Kuasa-kuasa Mahkamah.

22. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa di hadapannya di bawah bab 21 adalah kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, Mahkamah boleh —

- (a) memerintahkan penjaganya supaya membuat suatu bon untuk menjalankan pemeliharaan dan penjagaan yang sepatutnya selama suatu tempoh yang ditentukan oleh Mahkamah, tetapi tempoh tersebut tidaklah boleh dilanjutkan melimpasi tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun;
- (b) membuat suatu perintah yang meletakkan kanak-kanak itu ke dalam jagaan orang yang layak selama suatu tempoh yang ditentukan oleh Mahkamah tetapi tempoh tersebut tidaklah boleh dilanjutkan melimpasi tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun;
- (c) tanpa membuat sebarang perintah lain atau selain dari suatu perintah di bawah perenggan-perenggan (a) atau (b), membuat suatu perintah yang meletakkan kanak-kanak itu di bawah pengawasan seseorang pelindung, atau orang lain yang dilantik untuk tujuan

tersebut oleh Mahkamah, selama suatu tempoh yang ditentukan oleh Mahkamah, tetapi tempoh tersebut tidaklah boleh dilanjutkan melampaui tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun;

- (d) membuat suatu perintah yang menempatkan kanak-kanak itu di suatu tempat keselamatan bagi tempoh selama tiga tahun dari tarikh perintah itu atau sehingga dia mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana yang lebih lama; atau
- (e) membuat suatu perintah yang meletakkan kanak-kanak itu ke dalam jagaan seorang ibu atau bapa angkat yang didapati sesuai oleh Setiausaha Tetap dan sementara menunggu masa tersebut, menempatkan kanak-kanak itu di suatu tempat keselamatan.

(2) Mahkamah boleh, dalam membuat sebarang perintah di bawah cerai (1), mengenakan syarat-syarat atau memberi arahan sebagaimana yang mungkin dianggapnya patut untuk tujuan memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak itu yang berkaitan dengannya perintah tersebut dibuat, dan tiap-tiap orang yang ke atasnya syarat-syarat tersebut dikenakan atau yang kepadanya arahan tersebut diberikan hendaklah mematuhi syarat-syarat atau arahan itu.

(3) Tiada perintah di bawah cerai (1) boleh dibuat tanpa memberi kepada penjaga kanak-kanak itu peluang untuk hadir dan didengar.

(4) Dengan tidak menghiraukan cerai (3), suatu perintah di bawah cerai (1) boleh dibuat jika penjaga kanak-kanak itu, setelah dikehendaki untuk hadir, gagal berbuat demikian atau tidak dapat dijumpai dalam masa yang munasabah.

(5) Sebelum membuat suatu perintah di bawah cerai (1), Mahkamah hendaklah berusaha untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang keluarga, tingkahlaku am, sekitaran rumah, rekod sekolah dan sejarah perubatan kanak-kanak itu yang membolehkannya mengendalikan kes itu bagi kepentingan terbaik kanak-kanak itu, boleh, bagi tujuan mendapatkan maklumat tersebut atau bagi sebarang pemeriksaan atau pemerhatian perubatan khas, dari masa ke semasa menanggung kes itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi dari dua bulan pada satu masa dan boleh membuat berkaitan dengan kanak-kanak itu, sebagai suatu perintah sementara yang berkuatkuasa hanya dalam tempoh penangguhan, sebarang perintah yang boleh dibuatnya di bawah cerai (1).

(6) Dalam menentukan perintah apa yang hendak dibuat di bawah cerai (1), Mahkamah hendaklah menyifatkan kebajikan kanak-kanak itu sebagai pertimbangan utama.

(7) Jika Mahkamah tidak berpuas hati bahawa kanak-kanak yang dibawa di hadapannya di bawah bab 21 memerlukan perlindungan, Mahkamah boleh

memerintahkan supaya kanak-kanak itu dikembalikan ke dalam pemeliharaan dan jagaan penjaganya.

Perintah sumbangan.

23. (1) Jika suatu perintah dibuat di bawah bab 22 yang menempatkan seseorang kanak-kanak di suatu tempat keselamatan atau ke dalam jagaan orang yang layak, Mahkamah yang membuat perintah itu boleh, pada masa yang sama atau kemudiannya, membuat suatu perintah sumbangan yang menghendaki penjaga kanak-kanak itu untuk membuat sumbangan pada tiap-tiap bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah, dengan memberi perhatian kepada kemampuan penjaga, dan adalah menjadi kewajipan penjaga untuk mematuhi perintah itu.

(2) Semua jumlah wang yang kena dibayar di bawah suatu perintah sumbangan hendaklah dibayar ke dalam Mahkamah sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah yang membuat perintah itu dan Mahkamah yang membuat sebarang perintah seperti itu boleh dari masa ke semasa, atas bukti tentang sebarang perubahan pada hal keadaan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat atau atas sebarang sebab lain yang memuaskan yang ditunjukkan sehingga memuaskan hati Mahkamah, membatalkan, membuat semula, atau mengubah perintah itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Tiada perintah sumbangan boleh dibuat tanpa memberi kepada penjaga kanak-kanak itu peluang untuk didengar, tetapi suatu perintah sumbangan boleh dibuat terhadap penjaga yang setelah dikehendaki untuk hadir, gagal berbuat demikian.

(4) Suatu perintah sumbangan hendaklah terus berkuatkuasa selagi perintah yang menempatkan kanak-kanak itu di suatu tempat keselamatan atau ke dalam jagaan orang yang layak terus berkuatkuasa.

(5) Jika mana-mana orang dengan sengaja lalai mematuhi suatu perintah sumbangan, Majistret boleh, bagi setiap pelanggaran perintah itu dengan waran mengarahkan supaya jumlah yang kena dibayar itu dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melewi denda yang dikenakan oleh Majistret, atau boleh menjatuhkan hukuman penjara kepada orang itu selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu bulan bagi sumbangan tiap-tiap bulan atau sebahagiannya yang masih belum dibayar.

Pembatalan atau perubahan.

24. Mahkamah boleh atas permohonan seseorang pelindung, atau orang yang menjaga suatu tempat keselamatan atau penjaga seseorang kanak-kanak yang berkaitan dengannya suatu perintah dibuat di bawah bab 22, membatalkan atau mengubah perintah itu atas bukti bahawa hal keadaan yang di bawahnya perintah itu dibuat telah berubah setelah pembuatan perintah itu.

Kawalan ke atas kanak-kanak yang diletakkan ke dalam jagaan orang yang layak atau ditempatkan di tempat keselamatan.

25. Jika suatu perintah dibuat di bawah bab 22 yang menempatkan seseorang kanak-kanak di suatu tempat keselamatan atau meletakkannya ke dalam jagaan orang yang layak atau jagaan seorang ibu atau bapa angkat, maka orang yang menjaga tempat keselamatan itu, orang yang layak itu atau ibu atau bapa angkat tersebut hendaklah mempunyai kawalan ke atas kanak-kanak itu sama seperti ibu atau bapa kanak-kanak itu dan hendaklah bertanggungjawab terhadap nafkahnya, dan kanak-kanak itu hendaklah terus berada dalam jagaan orang itu walaupun kanak-kanak itu dituntut oleh penjaganya atau mana-mana orang lain.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN-KESALAHAN BERHUBUNG DENGAN KESIHATAN DAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK

Penganiayaan, pengabaian, pendedahan atau pembiaran kanak-kanak.

26. (1) Mana-mana orang yang, iaitu orang yang memelihara seseorang kanak-kanak, menganiaya, mengabaikan, membiarkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin menyebabkan fizikalnya tercedera atau perasaannya terluka atau menyebabkan atau membenarkannya dianiaya, diabaikan, dibiarkan atau didedahkan, hendaklah dihukum penjara sehingga 7 tahun dengan 10 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$20,000 atau keduanya sekali.

(2) Mahkamah boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada sebarang hukuman yang dinyatakan dalam cerai (1), memerintahkan orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah cerai itu untuk menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah, untuk berkelakuan baik bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah, dan boleh memasukkan dalam bon tersebut suatu syarat yang menghendaki supaya orang itu menjalani kaunseling dan psikoterapi sebagaimana yang mungkin dinyatakan di dalamnya.

(3) Jika seseorang yang diperintahkan untuk menyempurnakan suatu bon supaya berkelakuan baik di bawah cerai (2) gagal mematuhi sebarang syarat bon tersebut, dia hendaklah —

- (a) jika bon itu adalah sebagai ganti suatu hukuman di bawah cerai (1), dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalam cerai itu; atau
- (b) jika bon itu adalah sebagai tambahan kepada suatu hukuman di bawah cerai (1), dihukum penjara sehingga 7 tahun dengan 10

kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

(4) Ibu atau bapa, penjaga atau orang lain yang bertanggung di sisi undang-undang untuk menyara seseorang kanak-kanak hendaklah dianggap telah mengabaikannya dengan cara yang mungkin menyebabkan fizikalnya tercedera atau perasaannya terluka jika, meskipun berkemampuan untuk menyara dari sumber-sumbernya sendiri, dia gagal memberi makanan yang mencukupi, pakaian, rawatan perubatan atau pergigian, tempat penginapan atau pemeliharaan bagi kanak-kanak itu.

(5) Seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan terhadap bab ini walaupun —

- (a) penderitaan atau terjejasnya kesihatan kanak-kanak yang berkenaan itu atau besar kemungkinannya penderitaan atau terjejas kesihatan kanak-kanak yang berkenaan itu dielakkan dengan tindakan orang lain; atau
- (b) kanak-kanak yang berkenaan itu telah mati.

Kanak-kanak hendaklah tidak digunakan untuk mengemis atau sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang.

27. Mana-mana orang yang menyebabkan atau mencari mana-mana kanak-kanak atau, sebagai orang yang memelihara seseorang kanak-kanak, membiarkan kanak-kanak itu berada di sebarang jalan, bangunan atau tempat untuk tujuan —

- (a) mengemis atau menerima derma, atau memujuk pemberian derma; atau
- (b) sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang atau kegiatan yang menjejaskan kesihatan atau kebajikan kanak-kanak itu,

hendaklah dihukum penjara sehingga 5 tahun dengan 8 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan yang munasabah.

28. Mana-mana orang yang, sebagai penjaga atau orang yang pada masa itu memelihara seseorang kanak-kanak, meninggalkan kanak-kanak itu, tanpa membuat persediaan yang munasabah bagi pengawasan dan pemeliharaan kanak-kanak itu, selama suatu tempoh yang tidak munasabah atau di bawah hal keadaan yang tidak munasabah hendaklah dihukum penjara sehingga 5 tahun dengan 10 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN VII

**PEMBERITAHUAN MENGENAI PENGAMBILAN KANAK-KANAK KE DALAM
PEMELIHARAAN, JAGAAN ATAU KAWALAN**

Pengenaan dan tafsiran.

29. (1) Bahagian ini tidaklah boleh dikenakan kepada —

- (a) pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan datuk atau neneknya, atau saudara lelaki atau perempuan seibu sebapa atau saudara lelaki atau perempuan seibu atau sebapa atau saudara lelaki atau perempuan ibu atau bapanya;
- (b) pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan penjaganya;
- (c) pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan mana-mana orang menurut suatu perintah Mahkamah berbidang kuasa yang layak atau menurut suatu perintah di bawah Akta Perlindungan Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis (Penggai 120);
- (d) pengambilan seseorang kanak-kanak sebagai penghuni suatu tempat keselamatan atau sekolah atau hospital, rumah atau institusi yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
- (e) pengambilan seseorang kanak-kanak sebagai penuntut sekolah berasrama di sesebuah sekolah yang didaftarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan pendidikan;
- (f) pengambilan seseorang kanak-kanak yang sentiasa pergi ke sesebuah sekolah yang didaftarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan pendidikan ke dalam jagaan seseorang sahabat atau saudara penjaganya dengan persetujuan penjaganya.

(2) Dalam Bahagian ini, "penjaga" seseorang kanak-kanak bermakna ibu atau bapa kanak-kanak itu, atau mana-mana orang yang dilantik secara sah dengan suratikatan atau wasiat atau dengan perintah Mahkamah yang layak untuk menjadi penjaga kanak-kanak itu, atau seseorang yang telah mengangkat secara sah kanak-kanak itu.

Pemberitahuan tentang pengambilan ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan.

30. (1) Jika seseorang mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya —

(a) orang itu; dan

(b) orang yang memelihara kanak-kanak itu pada masa pengambilan tersebut,

hendaklah, tidak lewat dari satu minggu selepas itu, memberi tahu pelindung tentang pengambilan tersebut.

(2) Setelah menerima sebarang pemberitahuan di bawah bab ini, pelindung boleh membuat siasatan sebagaimana yang difikirkannya patut tentang sebab-sebab pengambilan tersebut dan tentang kesesuaian bagi tujuan itu orang yang telah mengambil kanak-kanak itu ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya dan jika, setelah menjalankan siasatan tersebut, pelindung menganggapnya mustahak bagi kepentingan terbaik kanak-kanak itu, dia boleh sama ada —

(a) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dikembalikan ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan penjaganya atau orang yang memeliharanya pada masa pengambilan tersebut; atau

(b) membenarkan pengambilan kanak-kanak itu.

(3) Seseorang pelindung, setelah menerima setiap pemberitahuan di bawah bab ini, hendaklah merekodkan butir-butirnya dalam suatu daftar yang akan disimpan untuk tujuan itu.

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi peruntukan-peruntukan cerai (1) hendaklah dihukum penjara sehingga 3 tahun dengan 5 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau kedua-duanya sekali.

Kewajipan berikutnya.

31. (1) Jika pengambilan seseorang kanak-kanak telah diberi tahu kepada dan dibenarkan oleh seseorang pelindung di bawah bab 30, orang yang telah mengambil kanak-kanak itu hendaklah, jika pada bila-bila masa berikutnya —

(a) dia bercadang hendak mengembalikan kanak-kanak itu ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu diambil; atau

(b) tanpa pengetahuan atau persetujuannya, kanak-kanak itu telah meninggalkan pemeliharaan, jagaan atau kawalannya,

melaporkan sendiri kepada seseorang pelindung dan hendaklah, apabila dapat dilaksanakan, membawa atau menyebabkan untuk dibawa di hadapan pelindung tersebut dan penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu diambil.

(2) Setelah menerima suatu laporan di bawah cerai (1), pelindung tersebut hendaklah membuat suatu catatan mengenainya dan hendaklah —

- (a) jika kanak-kanak itu dan penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu diambil hadir pada masa laporan itu diterima, mengembalikan kanak-kanak itu kepada penjaga atau orang itu, mengikut mana yang berkenaan; atau
- (b) jika penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu diambil tidak hadir pada masa laporan itu diterima —
 - (i) mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara sehingga dia dapat dikembalikan kepada penjaganya atau orang itu; dan
 - (ii) dengan serta-merta mengirimkan maklumat bertulis ke tempat tinggal penjaganya atau orang itu yang terakhir diketahui.

(3) Mana-mana orang yang gagal mematuhi peruntukan-peruntukan cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa pelindung untuk menghendaki supaya kanak-kanak dikemukakan di hadapannya.

32. (1) Apabila seseorang pelindung mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat, di dalam kawasan di mana dia menjalankan bidang kuasa, seseorang kanak-kanak yang berkaitan dengan pengambilannya pemberitahuan tiada dibuat dalam masa satu minggu selepas pengambilan tersebut, dia boleh, dengan saman yang ditandatangani yang dialamatkan kepada orang yang telah atau dipercayai telah memelihara, menjaga atau mengawal kanak-kanak itu, menghendaki supaya orang itu hadir dan mengemukakan kanak-kanak itu di hadapannya pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam saman itu.

(2) Jika seseorang yang telah disampaikan suatu saman di bawah cerai (1) gagal mengemukakan kanak-kanak itu pada masa dan tempat yang dinyatakan di dalamnya, pelindung tersebut boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya untuk mencari kanak-kanak itu dan mengemukakannya di hadapan pelindung tersebut.

(3) Mana-mana kanak-kanak yang dinamakan atau dinyatakan dalam waran tersebut boleh dipindahkan ke suatu tempat keselamatan dan ditahan sementara di sana sehingga pelindung tersebut telah selesai menjalankan siasatnya di bawah Bahagian ini atau boleh, bagi tempoh yang sama, menyerahkan sementara ke dalam jagaan seseorang saudara atau orang lain yang layak atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pelindung tersebut.

(4) Pelindung tersebut boleh membuat siasatan sebagaimana yang difikirkannya patut tentang hal keadaan dan sebab-sebab pengambilan kanak-kanak yang disebut dalam cerai (1) dan tentang kesesuaian orang yang telah mengambil kanak-kanak itu ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya.

(5) Jika, setelah menjalankan siasatan yang disebutkan dalam cerai (1), pelindung tersebut menganggapnya mustahak bagi kepentingan terbaik kanak-kanak itu, dia boleh sama ada —

- (a) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dikembalikan ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan penjaganya atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu diambil; atau
- (b) membenarkan pengambilan kanak-kanak itu atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pelindung tersebut.

(6) Jika pengambilan seseorang kanak-kanak oleh mana-mana orang telah dibenarkan di bawah perenggan (b) cerai (5) tertakluk kepada sebarang syarat dan keingkaran dibuat pada mematuhi syarat tersebut, pelindung itu boleh dengan waran yang ditandatangani memerintahkan supaya kanak-kanak itu diambil dari pemeliharaan, jagaan atau kawalan orang itu dan diserahkan ke suatu tempat keselamatan atau ke dalam jagaan seseorang saudara atau orang lain yang layak atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pelindung tersebut sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun atau bagi sebarang tempoh yang lebih pendek.

BAHAGIAN VIII

PERDAGANGAN HARAM KANAK-KANAK

Pemindahan haram pemilikan, jagaan atau kawalan kanak-kanak.

33. (1) Tiap-tiap orang yang mengambil bahagian dalam sebarang transaksi yang tujuannya atau salah satu tujuannya adalah untuk memindah atau memberi, seluruhnya, sebahagiannya, secara sementara atau selama-lamanya, pemilikan, jagaan atau kawalan seseorang kanak-kanak untuk sebarang balasan berharga adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum penjara sehingga 7 tahun dengan 10 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

(2) Tiap-tiap orang yang tanpa kebenaran atau alasan yang sah menyembunyikan atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya mana-mana kanak-kanak yang berhubung dengannya pemilikan, jagaan atau kawalan sementara atau selama-lamanya telah dipindahkan atau diberikan untuk balasan berharga oleh mana-mana orang lain di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam hendaklah dihukum penjara sehingga 7 tahun dengan 10 kali sebatan

atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (2), jika mana-mana orang menyembunyikan atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya mana-mana kanak-kanak tanpa sebarang kebenaran atau alasan yang sah, kanak-kanak itu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai kanak-kanak yang berhubung dengannya pemilikan, jagaan atau kawalan sementara atau selamalamanya telah dipindahkan atau diberikan untuk balasan berharga.

(4) Adalah menjadi suatu pembelaan dalam sebarang pendakwaan di bawah bab ini untuk membuktikan bahawa pemindahan itu berlaku bagi maksud atau menurut suatu perkahwinan atau pengambilan anak angkat dengan ikhlas dan jujur dan bahawa sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu atau bapa sebenar kanak-kanak itu atau penjaga kanak-kanak itu adalah pihak yang mengizinkan perkahwinan tersebut atau pengambilan anak angkat itu oleh pihak yang mengambil anak angkat itu, dan telah mengizinkan dengan nyata perkahwinan atau pengambilan anak angkat yang tersebut itu.

Pembawaan masuk kanak-kanak dengan dakwaan palsu.

34. Mana-mana orang yang dengan atau di bawah sebarang dakwaan atau pernyataan palsu atau cara tipuan atau perdayaan, yang dibuat atau digunakan sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, membawa atau membantu dalam membawa mana-mana kanak-kanak ke dalam atau ke luar Negara Brunei Darussalam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum penjara sehingga 7 tahun dengan 10 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Kuasa untuk memeriksa kanak-kanak dan orang yang menjaganya.

35. Seseorang pelindung atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu secara bertulis oleh seseorang pelindung boleh menghendaki mana-mana kanak-kanak yang telah memasuki Negara Brunei Darussalam atau dibawa masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam dan mana-mana orang yang ternyata mempunyai jagaan atau kawalan ke atas kanak-kanak itu supaya hadir di hadapan pelindung tersebut pada bila-bila masa yang munasabah dan di mana-mana tempat yang sesuai, dan pelindung tersebut boleh memeriksa kanak-kanak itu tentang sebab-sebab dia memasuki atau berada di Negara Brunei Darussalam dan boleh memeriksa orang itu berhubung dengan kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan-soalan tersebut dengan sebenarnya dan dengan sedaya upayanya.

Kuasa pelindung untuk menghendaki jaminan.

36. Jika seseorang pelindung mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana kanak-kanak —

- (a) telah dibawa masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam sama ada selepas dipindahkan untuk balasan berharga, atau dengan tipuan, salah nyata atau sebarang dakwaan palsu;
- (b) telah dipindahkan ke dalam jagaan atau kawalan mana-mana orang untuk balasan berharga sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam; atau
- (c) ditahan tanpa kerelaannya oleh seseorang selain daripada ibu atau bapa atau penjaganya;

dia boleh sama ada —

- (i) menghendaki mana-mana orang yang dalam jagaannya atau di bawah kawalannya kanak-kanak itu ternyata berada supaya memberi salinan-salinan gambar kanak-kanak itu dan gambar orang itu sendiri, dan supaya memberi jaminan sehingga memuaskan hati pelindung tersebut bahawa kanak-kanak itu tidak akan meninggalkan Daerah di mana dia berada pada masa itu tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada pelindung tersebut, dan tidak akan dipindahkan ke dalam pemeliharaan atau jagaan mana-mana orang lain tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada pelindung tersebut, dan bahawa kanak-kanak itu akan dikemukakan di hadapan pelindung tersebut apabila dia menghendakinya; atau
- (ii) pertama-tamanya, atau jika keingkaran dibuat pada mematuhi sebarang perintah yang dibuat di bawah perenggan (i), membuat suatu perintah supaya kanak-kanak itu diambil dari jagaan atau kawalan orang yang menjaga atau mengawal kanak-kanak itu dan diserahkan ke suatu tempat keselamatan atau, atas jaminan dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pelindung tersebut, ke dalam jagaan seseorang saudara atau orang lain yang layak sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun atau bagi sebarang tempoh yang lebih pendek.

Pemeriksaan.

37. (1) Seseorang pelindung atau mana-mana pegawai kebajikan masyarakat yang pada amnya atau khasnya diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pelindung tersebut, boleh pada bila-bila masa melawat dan memeriksa tempat di

mana-mana kanak-kanak yang berkaitan dengannya jaminan telah diberikan di bawah bab 36 tinggal atau dipercayai tinggal atau berada.

(2) Seseorang pelindung atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah ceraian (1), boleh menjalankan siasatan mengenai keadaan dan hal keadaan kanak-kanak yang disebut dalam ceraian (1) dan, bagi maksud-maksud siasatan itu, pelindung atau pegawai tersebut boleh menghendaki mana-mana orang untuk menjawab sebarang soalan yang mungkin difikirkannya wajar untuk ditanyakan dan orang itu hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan-soalan tersebut dengan sebenarnya dan dengan sedaya upayanya.

BAHAGIAN IX

RAMPAIAN

Kuasa untuk menggeledah bangunan.

38. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), mana-mana pelindung atau pegawai polis boleh memasuki dan menggeledah mana-mana bangunan untuk tujuan memastikan sama ada terdapat di dalamnya mana-mana kanak-kanak yang memerlukan perlindungan atau sama ada sebarang kesalahan di bawah Perintah ini dilakukan, atau telah dilakukan.

(2) Seseorang pelindung atau pegawai polis tidaklah boleh memasuki mana-mana bangunan dengan menggunakan kekerasan melainkan jika dia terlebih dahulu telah mendapatkan suatu waran yang dikeluarkan oleh Majistret.

(3) Majistret boleh mengeluarkan suatu waran kepada seseorang pelindung atau pegawai polis untuk memasuki dengan menggunakan kekerasan jika perlu mana-mana bangunan untuk tujuan-tujuan yang disebutkan dalam ceraian (1) jika Majistret tersebut berpuas hati atas maklumat dengan mengangkat sumpah bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa —

- (a) terdapat di bangunan itu seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan; atau
- (b) sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain sedang atau telah dilakukan,

dan bahawa bangunan itu hanya dapat dimasuki dengan menggunakan kekerasan.

(4) Dengan tidak menghiraukan ceraian (2), jika seseorang pelindung atau pegawai polis mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa tujuan penggeledahan yang disebutkan dalam ceraian (1) mungkin terhalang oleh sebab kelewatan mendapatkan suatu waran di bawah ceraian-ceraian (2) dan (3), dia boleh tanpa waran tersebut, memasuki dengan menggunakan kekerasan

sebagaimana yang mungkin perlu mana-mana bangunan untuk tujuan-tujuan yang disebutkan dalam ceraihan (1).

(5) Mana-mana pelindung atau pegawai polis yang memasuki mana-mana bangunan di bawah bab ini hendaklah —

(a) jika dikehendaki demikian, menunjukkan keterangan tentang identitinya; dan

(b) jika suatu waran telah dikeluarkan di bawah ceraihan (3) —

(i) menunjukkan waran tersebut atau salinannya; dan

(ii) hanya menggunakan kekerasan sebagaimana yang diperlukan dengan munasabah untuk memasukinya.

(6) Seseorang pelindung atau pegawai polis boleh, semasa atau selepas menjalankan sebarang pengeledahan yang disebut dalam ceraihan (1), menangkap atau menyebabkan supaya ditangkap mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, dan boleh merampas dan menahan apa jua barang, buku, dokumen atau akaun yang dia mungkin mempunyai sebab untuk mempercayai ada kaitan dengan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini.

(7) Dalam menjalankan sebarang pengeledahan di bawah bab ini seseorang pelindung atau pegawai polis hendaklah mempunyai kuasa untuk mengajukan soalan-soalan dan untuk memberi sebarang perintah atau arahan sebagaimana yang mungkin perlu kepada penghuni-penghuni mana-mana bangunan untuk tujuan menjalankan pengeledahan tersebut.

(8) Penghuni mana-mana bangunan yang digeledah di bawah bab ini hendaklah menjawab dengan sebenarnya semua soalan yang diajukan kepada mereka oleh pelindung atau pegawai polis tersebut, dan hendaklah mematuhi sebarang perintah atau arahan yang diberikan olehnya berhubung dengan sebarang perkara atau mana-mana orang yang ada kaitan dengan pengeledahan tersebut.

(9) Tiada sesiapa pun boleh dengan kekerasan, halangan, ugutan, dorongan atau cara lain menyebabkan mana-mana kanak-kanak yang memerlukan perlindungan untuk menyembunyikan dirinya di atau meninggalkan mana-mana bangunan yang digeledah atau hendak digeledah oleh seseorang pelindung atau pegawai polis di bawah bab ini, dengan niat supaya pengeledahan oleh pelindung atau pegawai polis tersebut boleh dengan itu terelak atau terhalang.

Menghalang pelindung atau pegawai polis dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

39. Mana-mana orang yang —

- (a) menyerang, menghalang, mengganggu atau melambatkan mana-mana pelindung atau pegawai polis masuk sedangkan dia berhak masuk di bawah Perintah ini atau dalam melaksanakan sebarang kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Perintah ini;
- (b) enggan menjawab sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya sebarang soalan yang dia terikat di sisi undang-undang untuk menjawabnya dan yang ditanyakan daripadanya oleh mana-mana pelindung atau pegawai polis atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah Perintah ini;
- (c) melanggar atau gagal mematuhi sebarang perintah, arahan, saman atau waran yang dikeluarkan secara sah atau sebarang syarat yang dikenakan secara sah oleh mana-mana pelindung, pegawai polis atau mahkamah di bawah Perintah ini,

hendaklah dihukum penjara sehingga 3 tahun atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau kedua-duanya sekali.

Memindahkan atau membantu kanak-kanak untuk melarikan diri dari jagaan.

40. (1) Jika seseorang kanak-kanak ditempatkan di suatu tempat keselamatan atau diletakkan ke dalam jagaan mana-mana orang di bawah Perintah ini, mana-mana orang yang —

- (a) memindahkan kanak-kanak itu dari tempat keselamatan itu atau jagaan tersebut tanpa kebenaran yang sah;
- (b) dengan mengetahui membantu atau mendorong, secara langsung atau tidak langsung, seseorang kanak-kanak untuk melarikan diri dari tempat keselamatan itu atau jagaan tersebut; atau
- (c) dengan mengetahui melindungi, menyembunyikan atau menghalang dari kembali ke tempat keselamatan itu atau jagaan tersebut, seseorang kanak-kanak yang telah melarikan diri itu, atau dengan mengetahui membantu dalam berbuat demikian,

hendaklah dihukum penjara sehingga 3 tahun atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika mana-mana kanak-kanak yang ditempatkan di suatu tempat keselamatan atau diletakkan ke dalam jagaan mana-mana orang di bawah Perintah ini dipindahkan tanpa kebenaran yang sah, atau melarikan diri, dari tempat

keselamatan itu atau jagaan tersebut, kanak-kanak itu boleh diambil balik oleh mana-mana pelindung atau pegawai polis dan dikembalikan ke tempat keselamatan itu atau jagaan tersebut.

Perlindungan identiti kanak-kanak.

41. (1) Tiada sesiapa pun boleh menyiarkan atau menyebabkan untuk disiarkan sebarang bahan yang —

(a) mendedahkan nama, alamat, atau sekolah; atau

(b) termasuk sebarang butir yang mungkin membawa kepada pengenalan,

mana-mana kanak-kanak yang terlibat dalam sebarang prosiding di mana-mana Mahkamah, sama ada, sebagai orang yang olehnya atau terhadapnya, atau yang berkaitan dengannya prosiding itu diambil, atau sebagai saksi dalam prosiding itu kecuali setakat mana yang mungkin dibenarkan (kalau memang dibenarkan) oleh Mahkamah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) hendaklah dihukum penjara sehingga 2 tahun atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau kedua-duanya sekali.

(3) Cerai-cerai (1) dan (2) tidaklah boleh dikenakan jika orang itu —

(a) adalah seorang pelindung; atau

(b) telah dikehendaki, diarahkan atau dibenarkan oleh seseorang pelindung untuk menyiarkan atau menyebabkan untuk disiarkan bahan tersebut.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini —

(a) "menyiarkan" termasuk siaran melalui radio atau televisyen;

(b) "bahan" termasuk sebarang lukisan atau gambaran.

Hukuman am.

42. Mana-mana orang yang didapati melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini di mana tiada hukuman diperuntukkan dengan nyata hendaklah dihukum penjara sehingga 3 tahun atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau kedua-duanya sekali.

Kuasa untuk menangkap tanpa waran.

43. (1) Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau hendak melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini.

(2) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah cerai (1) hendaklah, setelah penangkapannya, diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Peraturan Jenayah (Penggalaan 7).

Tempat keselamatan.

44. (1) Menteri boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* mengisytiharkan mana-mana tempat atau institusi, sebagai tempat keselamatan bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa mengarahkan penutupan mana-mana tempat keselamatan yang ditubuhkan di bawah Perintah ini.

(3) Setiausaha Tetap boleh memerintahkan pemindahan kanak-kanak dari satu tempat keselamatan ke satu tempat keselamatan yang lain sebagaimana dan bilamana timbul keperluan.

Kuasa Mahkamah untuk memutuskan dan mengisytiharkan umur kanak-kanak.

45. Jika dalam sebarang prosiding di bawah Perintah ini seseorang dikatakan sebagai seorang kanak-kanak, Mahkamah, setelah membuat siasatan sebagaimana yang difikirkannya patut tentang umur orang itu, boleh memutuskan dan mengisytiharkan umurnya, dan bagi maksud Perintah ini umur yang diisytiharkan oleh Mahkamah itu hendaklah dianggap sebagai umur sebenar orang itu, melainkan jika dan sehingga dibuktikan sebaliknya.

Perlindungan pemberi maklumat.

46. (1) Tiada sesiapa pun yang membuat sebarang pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan boleh menanggung sebarang liabiliti kerana fitnah ataupun selainnya berkaitan dengan pemberitahuan yang dibuat itu.

(2) Pembuatan sebarang pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan tidaklah boleh, dalam sebarang prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah atau dalam sebarang hal lain, diputuskan menjadi suatu pelanggaran etiket atau etika profesional atau bercanggahan dengan standard kelakuan profesional yang diterima.

(3) Mana-mana orang yang hadir sebagai saksi dalam sebarang prosiding di mana-mana Mahkamah atau tribunal atau di hadapan seseorang yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendengar keterangan —

- (a) tidaklah boleh dipaksa untuk mendedahkan identiti, atau sebarang maklumat yang mungkin membawa kepada pendedahan identiti, mana-mana orang yang telah membuat suatu pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan; dan
- (b) tidaklah boleh dipaksa untuk mengemukakan, dan tidaklah boleh mengemukakan, sebarang laporan atau dokumen yang mengenalpasti, atau mungkin mengenalpasti, mana-mana orang yang telah membuat suatu pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan.

(4) Ceraian (3) tidak dikenakan jika suatu pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan dikemukakan sebagai keterangan, atau keterangan berkaitan dengan pemberitahuan itu diberikan, oleh orang yang membuat pemberitahuan itu.

(5) Peruntukan-peruntukan bab ini hendaklah dikenakan kepada seseorang pengamal perubatan berdaftar yang membuat suatu pemberitahuan di bawah bab 19(1) mengikut cara yang sama sebagaimana peruntukan-peruntukan itu dikenakan kepada seseorang yang membuat suatu pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan.

(6) Jika dalam sebarang prosiding di hadapan Mahkamah kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini Mahkamah, setelah menjalankan siasatan penuh ke atas kes itu, berpuas hati bahawa pemberi maklumat telah dengan sengaja membuat suatu pernyataan yang diketahui atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak mempercayainya sebagai benar, atau jika dalam sebarang prosiding Mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya di antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa pendedahan nama pemberi maklumat Mahkamah boleh membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan penuh berhubung dengan pemberi maklumat.

Perlindungan Setiausaha Tetap dan orang lain.

47. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau diselenggarakan di mana-mana Mahkamah terhadap —

- (a) Setiausaha Tetap;
- (b) mana-mana pelindung;
- (c) mana-mana pegawai perkhidmatan hal ehwal masyarakat dan penyelia rumah-rumah kebajikan;

(d) mana-mana pegawai polis; atau

(e) mana-mana pegawai perubatan yang diberi kuasa untuk mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah bab 19(4),

berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan atau dikatakan pada melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

Perakuan Pendaftar adalah menjadi keterangan.

48. Suatu perakuan yang dikatakan ditandatangani oleh Pendaftar tentang sebarang catatan dalam Daftar, atau tentang sebarang perkara atau hal, yang dia diberi kuasa oleh Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini untuk melakukan atau membuatnya, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang catatan yang telah dilakukan atau dibuat itu, dan tentang isi kandungan catatan tersebut, dan tentang perkara atau hal yang telah dilakukan atau dibuat itu.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

49. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang pada pendapatnya perlu atau mustahak bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh —

(a) membuat peruntukan bagi pemeliharaan, nafkah dan pendidikan kanak-kanak —

(i) yang diletakkan ke dalam jagaan atau di bawah pemeliharaan atau kawalan; atau

(ii) yang diambil ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan,

mana-mana orang di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini, dan kewajipan-kewajipan orang itu;

(b) membuat peruntukan bagi kawalan, pemeliharaan, penahanan, ketiadaan sementara, nafkah dan pendidikan kanak-kanak di tempat-tempat keselamatan;

(c) mengawalselia pengurusan, lawatan pemeriksaan dan pemeriksaan tempat-tempat keselamatan;

(d) menghendaki orang yang menjaga suatu tempat keselamatan untuk mengemukakan kepada Setiausaha Tetap penyata, laporan dan maklumat berkaitan dengan kanak-kanak yang ditempatkan di dalamnya;

- (e) mengawalselia prosedur kemasukan ke atau pelepasan dari suatu tempat keselamatan;
- (f) menetapkan butir-butir, gambar atau cara pengenalan yang lain, untuk diberikan berkenaan dengan seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;
- (g) menetapkan bentuk perintah, waran, saman dan bon;
- (h) menetapkan rekod yang dikehendaki untuk disimpan berkaitan dengan seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan cara bagaimana rekod itu disimpan;
- (i) menghendaki pemberian maklumat tentang perubahan alamat setiap kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan orang yang menjaga kanak-kanak itu, dan pemindahan rekod dan daftar dalam hal-hal tersebut;
- (j) mengawalselia prosedur dan amalan Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak.

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 5 haribulan Jun, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM